

**PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERAKUAN AMALAN TAHUNAN  
DI BAWAH AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011**

1. Permohonan bagi pembaharuan perakuan amalan tahunan hendaklah dibuat **selewat-lewatnya pada 1 Disember** setiap tahun dengan mengemukakan:
  - a) Borang F – Pembaharuan Perakuan Amalan Tahunan
  - b) Senarai Semak Permohonan Perakuan Amalan Tahunan (MJMM/02-006)
  - c) Salinan perakuan pendaftaran
  - d) Salinan perakuan amalan tahunan yang sedia ada
  - e) Bayaran fi pembaharuan sebanyak RM100.00 (hendaklah dibuat kepada **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** dengan menggunakan samada kiriman wang atau bank draf)
  
2. Manakala bagi permohonan pembaharuan yang **lewat dibuat selepas 1 Disember**, permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan:
  - a) Borang G – Pembaharuan Perakuan Amalan Tahunan Dengan Caj Lewat
  - b) Senarai Semak Permohonan Perakuan Amalan Tahunan (MJMM/02-006)
  - c) Salinan perakuan pendaftaran
  - d) Salinan perakuan amalan tahunan yang sedia ada
  - e) Bayaran fi pembaharuan sebanyak RM100.00 dan Caj lewat sebanyak RM50.00 (hendaklah dibuat kepada **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** dengan menggunakan samada kiriman wang atau bank draf)

Nota: Senarai Semak Permohonan Perakuan Amalan Tahunan (MJMM/02-006) boleh didapati di laman web FARIS

3. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Pendaftar**

Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 4, Menara Prisma  
Presint 3  
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi Cik Irma binti Mohamad Samsi di talian 03-88850797 sambungan 4229 /emel [irma@moh.gov.my](mailto:irma@moh.gov.my) atau Pn. Hadidawati bt. Mahadi di talian 03-88850797 sambungan 4237 /emel [hadidawati@moh.gov.my](mailto:hadidawati@moh.gov.my) .